

Persembahkan dron terangi pameran 'Masa Depan Kita'

► **MUHAIMIN SUZAINI**
msuzaini@sph.com.sg

RUANG udara di kawasan Taman di Pesisiran bermandikan cahaya pada malam hari dengan 16 dron berteknologi tinggi terbang ke udara untuk menyaksikan persembahan udara sempena pameran 'Masa Depan Kita'.

Persembahan udara itu, tarikan terbaru sempena pameran tersebut, menyaksikan dron itu melakukan formasi dan gerakan secara seiring, semuanya tanpa memerlukan kawalan manusia.

Ini setelah ia dilengkapi teknologi navigasi dan algoritma yang diprogramkan supaya dron tidak bertembung sesama sendiri dan bergerak seiringan.

Projek tersebut dibangunkan oleh 11 penyelidik dan pelajar daripada Temasek Laboratories di Universiti Nasional Singapura (NUS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD).

Pasukan tersebut turut disokong Jabatan Sistem dan Teknologi Masa Depan, Kementerian Pertahanan (Mindef).

Ini merupakan kali pertama sistem bagi menyelaraskan dron tersebut dilakukan di Singapura.

Antara penyelidik yang terbabit, Encik Kevin Ang, 33 tahun, berkata:

"Kami mulakan projek ini pada September 2014 dan mengambil lebih setahun menyiapkannya."

Antara cabaran yang dihadapi pasukannya ialah mengkalibrasi program pada kesemua 16 dron supaya ia selari setelah menaik taraf versi dalam peringkat penyelidikan.

Penyelidik daripada NUS itu menambah: "Apabila kami menaik taraf dron ini, kami tidak hanya menaik taraf satu dron sahaja, kami harus melakukannya bagi kesemua 16 dan ini merupakan antara cabaran yang paling rumit."

Model dron yang digunakan merupakan versi yang keenam.

"Namun, saya rasa gembira kerana akhirnya orang ramai dapat menyaksikan projek kami," ujar beliau.


Persembahan udara selama enam minit itu akan berlangsung pada hari ini, esok, 15 dan 16 Januari.

Pengunjung dapat menonton persembahan tersebut pada 7.20 malam dan 8.20 malam, tertakluk pada keadaan cuaca.

Pameran 'Masa Depan Kita', yang dirasmikan Perdana Menteri Lee Hsien Loong pada 29 November lalu, akan berlangsung sehingga 8 Mac ini.

SEKILAS PAMERAN 'MASA DEPAN KITA'

Pameran 'Masa Depan Kita' merupakan acara terakhir bagi menutup tirai perayaan SG50. Pameran tersebut memperlihatkan kemungkinan gaya hidup warga Singapura pada masa hadapan. Ia juga merupakan wadah bagi warga Singapura berkongsi harapan dan impian supaya mereka dapat mengambil bahagian memacu perjalanan Singapura ke arah masa depan yang lebih baik. Dirasmikan Perdana Menteri Lee Hsien Loong, pameran tersebut dibuka secara percuma namun pendaftaran harus dilakukan. Pameran diadakan dari 1 Disember 2015 hingga 8 Mac 2016. Tempat: 30 Marina Boulevard (berdekatan Stesen MRT Bayfront) Masa: 9 pagi hingga 9 malam (pendaftaran terakhir pada 8.30 malam)



INDAH DAN BERGEMERLAPAN: Sebanyak 16 dron menghiasi malam dalam persembahan udara di Taman di Pesisiran sempena pameran 'Masa Depan Kita'. Dron diprogramkan sehingga mampu membentuk pelbagai formasi udara. – Foto TUKIMAN WARJI